



**TEKS UCAPAN
YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN**

SEMPENA:

**MAJLIS PENYERAHAN LESEN MEMANDU
PROGRAM MyLESEN (B2) PERINGKAT NEGERI
SEMBILAN 2026**

DI:

**AUDITORIUM TUNKU PUAN CHIK,
KOMPLEKS PENYIARAN TUANKU MUHAMMAD
NEGERI SEMBILAN**

**02 JULAI 2026
2.30 PETANG**

Terima kasih, Saudara/Saudari Pengacara Majlis

[**SALUTASI**]

- Yang Berbahagia Dato' Seri Jana Santhiran
Muniyan
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan
Malaysia
- Yang Berbahagia Dato' Aedy Fadly bin Ramli
Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia
- Yang Berbahagia Datuk Jazmanie bin Shafawi
Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan
Operasi
- Yang Berusaha Tuan Jasyindar Singh Sihdu
Pengarah JPJ Negeri Sembilan

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian/ Agensi
Persekutuan dan Negeri

Rakan-rakan media, semua Institut Memandu
Negeri Sembilan, para peserta Program MyLesen
B2 Peringkat Negeri Sembilan dan hadirin yang
dihormati sekalian.

Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

KATA ALUAN

Hadirin Yang Saya Kasihi,

1. Terlebih dahulu, saya ingin menyatakan rasa amat gembira kerana kita dapat bersama-sama berhimpun dalam **Majlis Penyerahan Lesen Program MyLesen Peringkat Negeri Sembilan tahun 2026** di dalam dewan yang serba indah ini.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atas **sokongan dan kerjasama erat** yang diberikan, serta semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan **Program MyLesen Peringkat Negeri Sembilan**.
3. Negeri Sembilan sentiasa mempunyai **tempat yang istimewa** dalam diri saya. Justeru, saya amat berbangga apabila program yang memberi impak besar kepada **kehidupan rakyat** dapat dilaksanakan di negeri ini dan **dimanfaatkan oleh lebih ramai golongan muda**.

LATAR BELAKANG

Hadirin Yang Saya Kasihi,

4. Sesebuah dasar hanya benar-benar bermakna apabila impaknya dapat dirasakan oleh rakyat. **Program MyLesen B2** merupakan contoh bagaimana kerajaan **menterjemahkan dasar kepada tindakan** yang memberi kesan langsung kepada kehidupan masyarakat. Dengan memperoleh **lesen memandu secara sah**, seseorang bukan sahaja mematuhi undang-undang, malah **memiliki kelayakan** yang meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran mereka.
5. Mobiliti hari ini bukan lagi satu kemewahan, sebaliknya **satu keperluan**. Lesen memandu yang diperoleh secara sah bukan sahaja memudahkan urusan harian, malah membuka akses kepada lebih banyak **peluang pekerjaan, pendidikan dan keusahawanan**. Dalam masa yang sama, membantu mengurangkan risiko kepada keselamatan semua pengguna jalan raya.

DATA LESEN

Hadirin Yang Diraikan,

6. Saya difahamkan Negeri Sembilan telah menerima sebanyak **2929 permohonan**, dengan **2315 orang disahkan layak**. Ini melebihi kuota asal sebanyak **2300 orang**, membuktikan program ini mendapat sambutan yang luar biasa.
7. Daripada jumlah itu, **2024 calon telah hadir ke Kursus Kurikulum Pendidikan Pemandu Bahagian 1 (KPP01)** dan **1979 calon telah lulus Lesen Belajar Memandu (LDL)** manakala calon yang telah memperoleh **Lesen Memandu Percubaan (PDL)** adalah **seramai 1879**.
8. Ini bukan sahaja mencerminkan keberkesanan pelaksanaan MyLesen, tetapi juga menunjukkan impaknya dalam **memberi akses kepada peluang pekerjaan, mobiliti dan keselamatan** di jalan raya.
9. Saya mengucapkan tahniah kepada semua agensi pelaksana iaitu **JPJ, Kerajaan Negeri Sembilan dan Institut Memandu** yang komited dalam menjayakan program ini.

DATA KEMALANGAN

Hadirin Yang Saya Hormati,

10. Data keselamatan jalan raya menunjukkan statistik yang amat membimbangkan dan menyedihkan. Saban tahun, **lebih 60 peratus kes kematian** akibat nahas jalan raya di Malaysia melibatkan **penunggang dan pembonceng motosikal**.
11. Yang paling menyedihkan lagi, majoriti golongan umur yang terlibat adalah dalam lingkungan umur **di bawah 30 tahun**, iaitu penunggang **muda dan belia**.
12. Saya ingin menyeru kepada semua peserta yang menerima lesen pada hari ini agar sentiasa **mematuhi undang-undang jalan raya**, mengamalkan pemanduan berhemah, memakai **kelengkapan keselamatan** dan menjadikan **keselamatan sebagai keutamaan** setiap masa.
13. Jadilah **contoh terbaik kepada rakan sebaya dan masyarakat setempat** serta memainkan peranan sebagai duta keselamatan jalan raya di komuniti masing-masing.

14. Suka juga saya ingatkan bahawa topi keledar adalah wajib dipakai dan digunakan dengan kemas semasa menunggang atau membonceng motosikal. Gunakan topi keledar yang mempunyai standard SIRIM.

PENUTUP

Hadirin Yang Saya Kasihi,

15. **Program MyLesen** membuktikan bahawa Kerajaan MADANI **bukan sekadar menggubal dasar**, tetapi memastikan dasar itu benar-benar sampai kepada rakyat, **membantu meringankan tanggungan kewangan golongan kurang berkemampuan** di Malaysia, serta **meningkatkan tahap keselamatan jalan raya**.
16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua peserta **Program MyLesen** yang menerima lesen pada hari ini.

17. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan kepada JPJ, pihak **Institut Memandu, rakan-rakan strategik, serta semua pihak yang terlibat** dalam usaha-usaha yang dilaksanakan bagi **memastikan semua inisiatif ini terlaksana dengan cemerlang**. Semoga usaha murni ini terus diberkati dan memberi manfaat berpanjangan kepada rakyat Negeri Sembilan dan negara keseluruhannya.
18. saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Penyerahan Lesen Memandu Program MyLesen (B2) Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2026**.
19. Sekian, terima kasih.

[TAMAT]